



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بِوَسِيَّتِنَا إِسْلَامٌ أَنْبَارٌ يَجْنِبُنَا مُلْدِنَتَنَا

**AJARAN SALAH DINEGERI JOHOR  
PERMASALAHAN DAN CARA-CARA MENGATASINYA**

DONATED TO THE LIBRARY OF  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY

BY  
**OLEH  
SHAKIRIN BIN OMAR**

Date Received : 25/6/91 ms

**PENYELIA  
DR. MOHD. ZIN BIN OTHMAN**

**DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN  
KEHAKIMAN ISLAM**

**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA  
KUALA LUMPUR  
(1990/1991)**

## ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>PENDAHULUAN</b>	ii
<b>Pengenalan</b>	iii
<b>BHG. PERTAMA : APA ITU AJARAN SALAH</b>	
A. DEFINASI AJARAN SALAH	2
B. CIRI-CIRI AJARAN SALAH	3
C. SEJARAH DAN PERKEMBANGANNYA	10
D. BENTUK AJARAN SALAH	17
E. PUNCA TERSEBARNYA AJARAN SALAH	20
F. KESAN AJARAN SALAH DAN BAHAYANYA	33
<b>BHG. KEDUA : AJARAN SALAH DI NEGERI JOHOR</b>	
A. AJARAN SALAH MENGIKUT PERUNTUKAN ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM JOHOR BIL.14/78	36
B. TAKTIK PENYEBARAN YANG DAPAT DIKESAN	42
C. AJARAN SALAH YANG MASIH DI DALAM SIASATAN	47*
i) Ajaran Taslim	47
ii) Ajaran Tarikat Naqsyabandiah Al 'Allah	51
iii) Ajaran Al Sunah	54
iv) Ajaran Ilmu Haq Dan Berzikir Secara Berselubong	60
D. AJARAN SALAH YANG TELAH DISABITKAN OLEH MAHKAMAH SYARIAH :	65
i) Ajaran Kabulanl	65
ii) Ajaran Syed Mohd.Haris bin Busu	75
iii) Ajaran Abu Bakar Bapu	83

**BHG. 3 : BEBERAPA MASALAH YANG TIMBUL UNTUK  
MEMBANTERAS AJARAN SALAH.**

A.	AMALAN SECARA SULIT	89
B.	UJUD SETIAP MASA	93
C.	MENCAMPURADUKAN DIANTARA ADAT KEPERCAYAAN DAN KEBUDAYAAN TRADISI DENGAN UNSUR-UNSUR ISLAM	94
D.	BERSELINDUNG DISEBALIK TARIKAT DAN TASAWUF	95
E.	KEKURANGAN UMAT ISLAM MEMAHAMI APA YANG DIKATAKAN TARIKAT DAN TASAWUF DALAM ISLAM	95
F.	TIADA TINDAKAN SUSULAN	98
G.	KEKURANGAN KAKITANGAN	99
H.	HUKUMAN TERLALU RINGAN	100

**BHG. 4 : CARA-CARA MENGATASINYA.**

A.	BEBERAPA LANGKAH UNTUK MEMBANTERAS AJARAN SALAH :	102
1.	Melalui Sistem Pendidikan Agama	102
2.	Melalui Program Dakwah	105
3.	Melalui Kelas Al Quran ( Tahfiz Al Quran )	107
4.	Kelas Agama Dewasa	109
B.	SARANAN - SARANAN	110

**PENUTUP**

**BAHAN-BAHAN RUJUKAN**

**LAMPIRAN**

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu diucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim melalui Yang Dipertua Jabatan Agama Johor yang telah membenarkan saya mengikuti kursus yang sungguh besar ertinya untuk perkembangan Mahkamah Syariah.

Ucapan terima kasih yang tak terhingga juga kepada pihak Universiti Islam Antarabangsa menerima permohonan saya mengikuti kursus selama setahun dan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia kerana membiayai perbelanjaan saya sepanjang kursus tersebut.

Kepada Pensyarah-Pensyarah Kuliah, Undang-Undang yang telah memberi tunjuk ajar dengan tidak mengenal penat lelah serta memberi kefahaman sejelas - jelasnya mengenai Undang - Undang dan tidak lupa juga kepada DR. Mohd. Zin Othman yang telah membimbing dalam menyiapkan kertaskerja ini.

Kepada kakitangan Jabatan Agama, Bahagian Dakwah dan Penerbitan yang sama-sama bertungkus lumus meluangkan masa untuk tujuan ini.

Kepada semua saya serahkan kepada Allah untuk membalasnya.

Amin Ya Rabbal 'Alamin.

**SHAKIRIN OMAR**

## PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين  
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله  
وصحبه أجمعين . أما بعده ،

Kertaskerja ini merupakan suatu usaha permulaan dalam mengesan asal usul dan sejarah perkembangan Ajaran Salah yang terkenal di Negeri Johor ini dengan ilmu batin, ilmu isi, atau pun ilmu hakikat yang tidak berasaskan kepada syariat yang mereka mendakwa amalan kulit sahaja, yang tidak berguna sama sekali.

Tajuk : " Ajaran salah di Negeri Johor, permasalahan dan cara-cara mengatasinya " ditulis berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada Pegawai Hal Ehwal Agama, Pegawai Penguatkuasa Jabatan Agama , daripada kes-kes yang telah dibicarakan di Mahkamah-Mahkamah Syariah dan dari pengalaman-pengalaman yang diperolehi oleh penulis sebagai Jawatankuasa Ajaran Salah Peringkat Negeri dan juga pengalaman sebagai Kadi Daerah Mersing dan Kota Tinggi.

Terdapat banyak lagi ajaran salah yang tidak dapat dimuatkan dalam kertaskerja ini, tetapi walau bagaimana pun sebagai usaha permulaan sudah cukup menggambarkan sejauh mana ajaran tersebut telah melanda dan sejauh mana kesannya dapat diatasi. Penulisan ini telah dibahagikan kepada empat bahagian.

Bahagian pertama membicarakan apa yang dikatakan ajaran salah, bahagian kedua membicarakan ajaran-ajaran yang terdapat didalam Negeri Johor samada dalam siasatan maupun yang telah dijatuhkan hukuman, sementara bahagian ketiga dan keempat pula mendedahkan beberapa masalah yang timbul dan cara-cara mengatasinya dan beberapa saranan juga dikemukakan.

Semoga dengan kertaskerja ini dapat memberi pengalaman baru dalam bidang penulisan dan memberi manfaat kepada orang-orang Islam.

Amin ya rabbal alamin.

## PENGENALAN

Sejarah perkembangan dan kelahiran ajaran salah yang akibatnya menjejaskan akidah Islamiah oleh orang-orang Islam di Negeri Johor khususnya dan di Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak amnya, bukanlah merupakan satu perkara yang baru tetapi ianya telah mula bertapak sejak sebelum wafat Nabi Muhammad s.a.w., dimana telah lahir beberapa orang yang begitu berani mendakwa dirinya sebagai Nabi selepas Rasulullah s.a.w. dan menyebarkan ajaran-ajarannya kepada umat Islam pada masa itu seperti Musailamatul Kazab, Talhah Al Asady dari Kabilah Bani Asad dan Al Aswad Al Anusi di Yaman.

Adapun ajaran salah yang telah wujud begitu lama di Negeri Johor ialah Ajaran Taslim yang bertempat di Mukim Gemereh Segamat dalam tahun 1930an dan juga terdapat ajaran-ajaran lain yang tersebar luas di negeri ini. Sebahagian besarnya masih di dalam siasatan manakala sebahagian kecilnya pula telah diambil tindakan Mahkamah dan dijatuhkan hukuman denda dan penjara.

Sejak ujudnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor bil. 14 tahun 1978 banyak kes-kes mengenai ajaran salah telah dapat diselesaikan, namun demikian bukan satu perkara yang mudah untuk membanteras ajaran tersebut yang begitu menebal ideologi-ideologi dan fahaman mereka sehingga mereka sanggup mengasingkan diri meninggalkan saudara mara, anak pinak dan isteri. Bahkan lebih daripada itu mereka sanggup membunuh diri dengan meminum racun dan sabagainya.

Pelbagai usaha telah dan giat dijalankan cara mana untuk mengatasi supaya ajaran salah dapat diatasi atau pun sekurang-kurangnya dapat disekat dari tersebarnya secara meluas. Diharapkan semua pihak saling bantu membantu, tolong menolong dalam mencapai hasrat tersebut disamping itu kita bermohon kepada Allah s.w.t. kerana tanpa taufik, hidayah dan inayahnya, sudah pasti cita-cita kearah untuk menjamin keutuhan akidah Islamiah orang-orang Islam itu sendiri tidak akan tercapai.



## **BAHAGIAN PERTAMA**

### **APA ITU AJARAN SALAH**

- A.       DEFINASI AJARAN SALAH
- B.       CIRI-CIRI AJARAN SALAH
- C.       SEJARAH DAN PERKEMBANGANNYA
- D.       BENTUK AJARAN SALAH
- E.       PUNCA TERSEBARNYA AJARAN SALAH
- F.       KESAN AJARAN SALAH DAN  
          BAHAYANYA

## BAHAGIAN PERTAMA APA ITU AJARAN SALAH

### A. DEFINISI AJARAN SALAH.

Pada lahirnya terdapat beberapa pengertian ajaran salah, walau bagaimanapun jika diteliti secara mendalam pada hakikatnya menjurus kepada pengertian yang satu, antara lain :-

- A.1. Ajaran salah ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang didakwa berdasarkan kepada ajaran Islam atau didakwa tidak berlawanan dengan dasar-dasar ajaran Islam, tetapi sebenarnya ajaran atau amalan tersebut adalah berlawanan dengan akidah dan syariat Islam berdasarkan Al Quran dan Al Sunnah (1).
- A.2. Ajaran salah ialah setiap ajaran yang bercanggah dengan Al Quran dan Al Hadis, samada percanggahan itu pada keseluruhan atau sebahagiannya atau menambah-nambah atau mengurangkan, menukarkan nas-nas dan dalil-dalil yang sahih. (2).
- A.3. Ajaran salah adalah sebarang ajaran yang bercanggah dengan pokok ajaran Islam, samada sebahagian atau keseluruhannya, samada diamalkan atau tidak oleh seseorang Muslim. Jika ajaran tersebut diyakini atau diamalkan akan memberi implikasi kepada dirinya samada terkeluar dari Islam (murtad), tidak sempurna keislamannya atau tidak sah ibadahnya. (3)

---

(1) BAHEIS. Penjelasan ciri-ciri utama ajaran sesat, m.s. 3  
(2) Tesis Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman UIA. Ajaran salah dibawah EPALJ bil. 14/78 thn. 1985/1986 oleh Ustaz Ali bin Ahmad  
(3) Kerja-Kerja Ajaran Sesat Bahagian Penerangan JAJ oleh Ustaz Nooh bin Gadot m.s.1

Selain daripada itu dengan tujuan untuk memperjelaskan atau memperluaskan lagi definasi tersebut perlu diketahui mengenai apa yang dikatakan ajaran atau amalan yang berkaitan dengan kerohanian dan amalan kebatinan.

Adapun yang dikatakan amalan kerohanian ialah pengajaran dan amalan yang berasaskan petunjuk Al Quran dan Al Sunnah untuk meningkat nilai-nilai rohani manusia bagi meningkatkan diri kepada Allah menuju pengabdian yang sebenarnya, boleh diamalkan oleh Muslim sebagai jalan membersihkan jiwa, diri dan menghampirkan diri (bertaqarrub) kepada Allah (4).

Manakala amalan kebatinan pula ialah pengajaran dan amalan yang berasaskan daya pemikiran manusia atau campuran dari akhlak Islam untuk tujuan-tujuan tertentu, (seयोगla hendaklah dijauhi kerana lanya bertentangan dengan kehendak Islam) (5).

## **B. CIRI-CIRI AJARAN SALAH**

Ajaran salah sebenarnya adalah bercanggah dengan ajaran Islam dari segi akidah, syariah dan akhlak, tidak diamalkan oleh para sahabat, tabiin dan ulama-ulama yang terkemudian daripadanya. Ajaran itu mempunyai ajaran yang berperingkat-peringkat dan tertentu sahaja. Pada peringkat awal ajaran tersebut seolah-olah jelas ajarannya tetapi diakhir-akhir ia mengandungi ajaran dan kepercayaan yang mengelirukan.

Dari segi pengajaran dan amalannya pula dibuat secara sulit atau bersembunyi, tidak dibenarkan secara terbuka kecuali kepada orang-orang yang tertentu sahaja. Orang yang belum menjadi ahli disekat menyertainya dalam majlis-majlis yang diadakan.

---

(4) sbid  
(5) sbid

Blasanya pengajaran atau pengembang ajaran salah itu terdiri daripada mereka yang kurang berpengetahuan agama, jauh sekali mempunyai ahli dan berkelulusan dibidang pengajian tinggi Islam. Pengikut-pengikutnya juga terdiri daripada orang-orang yang tidak mengetahui betul-betul ajaran Islam yang sebenarnya. Pengikut-pengikutnya mesti patuh kepada ajaran guru, jangan dengar apa orang lain kata terhadap mereka, jika terdapat apa-apa kemusykilan hendaklah dirujuk kepada guru atau penasihat itu sahaja tidak kepada orang lain, walaupun orang lain itu mempunyai kewibawaan dalam bidang pengetahuan Islam. Dari segi gurunya kadangkala terdapat beberapa sifat yang istimewa menurut pandangan pengikut-pengikutnya. Umpamanya petah bercakap seperti penjual ubat, boleh menunjukkan sesuatu yang ganjil misalnya mengeluarkan air dari tangan, melembutkan besi dan kebal dengan cara menggunakan sihir. Apa yang jelas didalam ajaran tersebut tidak ada keselimbangan diantara spiritual dan material, hak dan kekuatan, agama dan ilmu seterusnya diantara dunia dan akhirat.

Wujudnya konsep orang perantaraan tertentu antara seseorang hamba dengan Allah sebagai syarat mutlak dalam ajarannya. Blasanya ajaran tersebut paling mudah, segera tanpa menggunakan amali yang susah dan banyak seperti dosa-dosa boleh ditebus dengan bayaran tertentu.

Pengikut-pengikutnya mempercayai secara membutuli kepada sesuatu yang datangnya dari guru dengan tidak mahu lagi menilai atau menganalisa kembali kepada kebenaran atas apa yang dipegang itu dengan meninggalkan peranan akal dan rasional. Menggunakan makhluk-makhluk halus terutama yang bukan untuk mendapatkan keredhaan Allah, tetapi kerana tujuan tertentu untuk kepentingan diri dan dunyaw.

Ciri-ciri biasa yang terdapat dalam ajaran salah ataupun tarikat-tarikat yang menyeleweng adalah seperti berikut :-(6)

1. Boleh ghalib
2. Kebal kebatinan
3. Mengaku diri atau gurunya Nabi
4. Pengikut terjamin masuk syurga
5. Mengubah ayat atau maksud Al Quran atau Hadis
6. Mengaku mendapat maunah secara langsung
7. Mengaku dirinya maksum
8. Mendakwa diri gurunya maksum
9. Menghalalkan nikah adik beradik yang diharamkan oleh Allah
10. Mengujudkan konsep nikah batin
11. Pengajarannya secara sulit hanya untuk mereka yang telah menjadi ahlinya sahaja.
12. Mematuhi dengan membutatuli ajaran yang datang daripada gurunya.
13. Menghalalkan pergaulan bebas diantara lelaki dan perempuan yang bukan muhrimnya.
14. Berguru melalui sumpah setia yang tidak berbelah bagi kepada guru walaupun yang dilakukan oleh gurunya.
15. Guru mendakwa keturunan Rasulullah.
16. Setiap pengikut dikehendaki melakukan penyerahan diri harta atau anak isteri.
17. Guru mendakwa bahwa tugas-tugas Rasulullah telah diamanahkan kepadanya sebagai pengganti Nabi Muhammad.
18. Pengikut-pengikutnya mendakwa kononnya tidak sah Islam seseorang itu jika tidak diislamkan oleh Rasulullah atau wakilnya iaitu gurunya sendiri.

---

(6) Pengalaman penulis sebagai AJK Ajaran Salah Pertingkat Negeri Johor dan sebagai Kadi.

19. Mendakwa menerima wahyu daripada Allah.
20. Mengaku wahyu Allah ( Al Quran ) itu bukan dalam bahasa arab .
21. Menafikan syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad seperti sembahyang, puasa, zakat, Haji dan sebagainya.
22. Mengaku dan mendakwa semua manusia boleh melihat Allah didunia ini.
23. Mendakwa masih ada Nabi dan Rasul selepas Nabi Muhammad.
24. Mendakwa pernah menerima wahyu dari Rasulullah.
25. Mendakwa wahyu masih lagi diturunkan
26. Mendakwa adanya percantuman tiga buah agama: Islam, Nasrani dan Yahudi dengan memilih unsur-unsur yang senang dan sesuai mengikut pandangan mereka
27. Mendakwa melalui tarikatnya, Allah menurunkan nur (cahaya) ke dalam badan Nabi Muhammad) dan Nur Muhammad itu diturunkan kepada salsilah sehingga kepada gurunya.
28. Sebelum naik haji ke Mekah maka terlebih dahulu bersuluk di Panca Budi di Medan kalau tidak mampu ke Mekah datang ke Medan sahaja sudah mencukupi.
29. Sheikh (Guru) mengaku dirinya sebagai Imam orang Islam, sebagai Sheikh Isa (Jesus) bagi orang Kristian dan Bapa segala manusia bagi yang tidak beragama.
30. Sheikh (guru) mendakwa mempunyai mukjizat.
31. Mengeluarkan air dari tangan apabila ia hendak menunjukkan bahawa ia di sayangi oleh Allah.
32. Mendakwa dirinya sebagai penjelmaan sahabat- sahabat Nabi dan Khulafaur -rasyidin seperti Abu Bakar As Siddiqi dalam dirinya.
33. Mengenakan syarat mengadakan majlis kenduri dengan menyembelih ayam jantan bagi memulakan pengajian.

34. Pengasas ajaran ini mengenakan satu sistem iaitu bersemadi ditempat-tempat gelap dengan melakukan gerak gerik tertentu dan memusatkan pemikiran untuk sesuatu yang dihajatnya seperti menyembuhkan penyakit atau mencari ketenangan jiwa.
35. Sembahyang, puasa dimansuhkan manakala haji tidak dikehendaki.
36. Isi Al Quran dan Al Hadis ada yang sesuai dan ada yang tidak.
37. Jika ada kemusykilan tentang ajaran itu, pengikut tidak dibenarkan berbincang sesama sendiri kecuali hendaklah dirujuk kepada gurunya sahaja, dan jawapan guru dianggap muktamad padanya.
38. Kain kapan itu dijadikan azimat sebagai syarat untuk mendapatkan syafaat diakhirat.
39. Mendakwa dapat berhubung terus dengan Allah (berdalilog).
40. Kumpulan mereka itu dipimpin terus oleh Allah bukan Rasul.
41. Sebelum ajaran itu dijalankan sejenis minuman diberikan kepada pengikutnya. Minuman ini membuat pengikutnya khayal.
42. Masa berpuasa melebihi dari syariat Islam iaitu dari fajar sadiq hingga terbenam matahari (masuk waktu maghrib).
43. Mendakwa boleh memberi kekuatan luarbiasa kepada pengikutnya.
44. Mendakwa Malakat Jibril menemukannya.
45. Pengikut-pengikutnya samada lelaki atau perempuan dikehendaki diuji dalam bilik khas sebelum diterima menjadi ahli dan bersumpah tidak akan menceritakan kepada sesiapa apa yang terjadi dengan guru tadi.
46. Ajarannya mempunyai sembahyang batin, nikah batin dan huraian yang menyeleweng tentang ilmu tauhid.
47. Nabi Muhammad terbagi kepada empat iaitu awal, akhir, zahir dan batin.

48. Pengikut-pengikut akan berzikir dan berjalan dalam keadaan puasa dimalam hari.
49. Mendakwa makam Rasutullah letaknya di Gunung Ledang bukan di Madinah.
50. Ibadah haji boleh dilakukan di Gunung Ledang sehaja.
51. Pengikut mendakwa mereka boleh mengetahui serta mengamalkan perkara-perkara sulit atau rahsia yang tidak boleh diketahui jika tidak menganut ajaran itu.
52. Cara menyucikan diri ialah mandi dengan air yang dijampti oleh gurunya.
53. Dalam ajaran itu setiap pengikut tidak boleh berkahwin dengan orang yang bukan pengikut ajaran itu.
54. Menghapuskan sifat cemburu antara suami dan isteri bilamana salah seorang melakukan maksiat dan dosa dengan orang lain.
55. Mendakwa mendapat ilmu ladunni secara langsung daripada Allah s.w.t.
56. Untuk menyucikan diri, pengikut-pengikutnya hendaklah memusingkan diri hingga muntah.
57. Pengikut-pengikut ajaran ini hendaklah merahstakan ajaran itu jika tidak, akan ditimpa malapetaka.
58. Sembahyang tidak perlu berjemaah dan tidak perlu menghadap kiblat.
59. Guru mengaku Imam Mahdi dan murid- muridnya yang terkanan mengaku Nabi Isa a.s.
60. Guru menjamin pengikutnya masuk syurga dan bellau membina rumahnya sebagai Istana disyurga dengan pengawalnya.
61. Sembahyang fardhu dan puasa Ramadhan tidak perlu dibuat tiap-tiap hari.
62. Nikah yang dilakukan mengikut syariat Islam adalah tidak sah pada pandangan mereka, oleh sebab itu terpaksa dinikah kan semula mengikut ajarannya.



63. Menyediakan kain putih, pisau lipat dan parang ketika memulakan pengajlan.
64. Mematikan diri sebelum mati, sebelum melakukan upacara tertentu.
65. Tanda akan mati ternampak akan satu Lembaga gilang gemilang pada pendapat mereka itulah zat Tuhan.
66. Zikir "Hu " "Allah" bererti aku Allah dan lain-lain.
67. Ada Masjid selain daripada Masjid Al Ahram, An Nabawi dan Masjid Al Aqsa yang mempunyai kelebihan yang berlainan.
68. Orang yang telah mati atau kubur tertentu boleh memberi keramat (pertolongan kepada yang hidup).
69. Berguru dengan secara menurun dan mengaku dirinya sebagai malaikat.
70. Percaya kepada kekuasaan mutlak makhluk seperti binatang , kayu kayan, batu batan dan lain-lain lagi.
71. Melakukan mandi dengan kepercayaan menghapuskan dosa.
72. Sembahyang lima waktu dibatalkan dan hanya dua waktu sahaja yang tinggal (Maghrib dan Isya ).
73. Batu di Bukit Jantan dekat Muar lebih suci dari Kaabah.
74. Kaabah dekat Mekah tidak diliktiraf.
75. Sembahyang Jumaat tidak perlu sebaliknya sembahyang khas pada setiap hari sabtu jam 12.00 tengahari
76. Guru boleh menjamin pengikutnya masuk syurga dengan wang dan harta.
77. Air sembahyang tidak batal jika bersentuh dengan muhrimnya dan juga perhubungan jenis tidak membatalkan wudu' (menyalahi pada Mazhab Syafie ).
78. Perbuatan zina,minum arak dan segala bentuk dosa boleh dilakukan kerana guru boleh memohon kepada Allah agar dosa pengikutnya diampunkan.
79. Murid-murid dan pengikut-pengikutnya tidak boleh mengahwini seseorang yang disukai oleh gurunya.

80. Murid-murid tidak boleh mengahwini janda-jandanya.
81. Mencium kemaluan lelaki adalah sebagai tempat memohon keampunan kerana dikatakan pada pandangannya bahwa kejadian manusia berasal dari kemaluannya.
82. Sifat yang wajib bagi Allah terbahagi kepada empat bahagian: diri (tubuh ) nafas, roh dan darah.
83. Melakukan pekerjaan yang sewajarnya atas nama Allah ( kerana Allah ) tetapi sebaliknya dibuat atas nama yang lain seperti penyembelihan atas nama syaitan, pokok dan sebagainya dan sujud kepada patung atau lainnya.
84. Berkelakuan buruk kepada Rasulullah samada berupa lukisan, ceramah atau buku-buku, atau menganggap Rasulullah sebagai manusia biasa.
85. Menghina sesuatu yang tercatat dalam Al Quran dan Al Sunnah.
86. Ibadat seperti sembahyang memadal dengan niat sahaja tanpa melakukan dengan anggota.
87. Asas Islam sebenarnya ialah tasdiq dan ikrar tanpa amalan zahir.
88. Banyak membicara tentang kejadian manusia.
89. Mandi air serapah jampi
90. Ketika berwudu' membasuh pusat adalah wajib

### **C. SEJARAH DAN PERKEMBANGANNYA**

Secara umum ujudnya kesesatan dan kebatilan di dalam ajaran Islam bermula dari sengaja meng adakan syubahat di dalam agama Islam sejak dari zaman Rasulullah saw .(7)

---

(7) Ajaran salah dibawah EPAJ bil,14/78 Dip.Undang-Undang & Pentadbiran Kehakman Islam 1985/1986 oleh Uet.Ali Bin Ahmad m.s. 2

Mengikuti catatan dalam buku-buku sejarah Islam bahwa ajaran-ajaran salah itu adalah didatangkan oleh golongan-golongan yang mempunyai kepentingan peribadi dan juga kepentingan material kebendaan melalui pergolakan politik dan rebutan kuasa. Suasana dan keadaan tersebut telah dibawa bersaing dengan perkembangan ajaran-ajaran tauhid dan tasauf dalam abad ke 2 Hijrah. Selain dari itu ianya disebarkan juga oleh golongan orang-orang yang belum begitu memahami benar-benar akan ajaran-ajaran Islam mengikut bagaimana yang dikehendaki oleh Islam itu sendiri. Lantaran itu mereka cuba membuat beberapa tafsiran dan huraian di dalam beberapa ayat Al Quran dan juga hadis Rasulullah s.a.w. sehinggalah timbul fahaman yang mengelirukan, seterusnya membawa kepada kepercayaan dan iktikad yang salah seperti yang terdapat di dalam kepercayaan dan kefahaman golongan

Al Khawarij	(	الخوارج	)
Al Rawafid	(	الروافض	)
Al Batiniyyah	(	الباطنية	)
Al Qadariyah	(	القدرية	)
Al Jabariah	(	الجبرية	)
Al Marjaah	(	المرجعة	)
Al Jabhiah	(	الجبئية	)
Al Mufrahah	(	المفرالة	)

dan lain-lain lagi.

Golongan tersebut adalah mereka sendiri yang terdiri daripada Abdullah bin Malmun Al Qadah, Al Ahwazi, Al Judian Dirham, Hajim bin Safwan, Wasil bin Ata' dan sebagainya. (8)

Golongan tersebut adalah bertanggungjawab diatas sebab-sebab yang membawa kepada perpecahan akidah umat Islam seluruhnya

(8) Buku Cenderamata Sambutan Kemuncak Maulidur Rasul 1982. Antara Ajaran-Ajaran Yang Merosakan Akidah Islamiah oleh Syed Ahmad bin Abdullah. m.s 25

Oleh itu amatlah tepat sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadis Tarmizi yang telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. Bahwa Baginda s.a.w. bersabda :- (9)

تفرقت اليهود على احدى وسبعين واثنتين وسبعين  
فرقة ، والنصارى مثل ذلك ، وتفرق امتي على ثلاث  
وسبعين فرقة (حسن صحيح)

Maksudnya : " Sesungguhnya orang-orang Yahudi telah berpecah menjadi 71 golongan ataupun 72 golongan dan orang-orang Kristian seperti itu juga dan umatku akan berpecah menjadi 73 golongan ( فرقة ) dinyatakan oleh Tarmizi hadis ini adalah Hasan Sahih.

Sebuah lagi hadis dari Sahih Tarmizi ialah dari riwayat Abdullah Ibnu Umar yang meriwayatkan bahwa Baginda bersabda s.a.w. (10).

ليأتين على امتي ما أتى على بنى إسرائيل حذو النعل  
بالنعل حتى ان كان منهم من أتى امه علانية لكان في  
امتي من يصنع ذلك وان بنى إسرائيل تفرقت على  
'اثنتين وسبعين ملة وتفرقت امتي على ثلاث وسبعين  
ملة لهم في النار إلا ملة واحدة ،

Maksudnya : " Benar-benar akan berlaku keatas umatku apa yang telah berlaku keatas Bani Israil seperti selipar dengan selipar sehingga jikalau ada dikalangan mereka yang mendatangi emaknya sendiri ( bersetubuh dengannya ) dengan terang-terangan, akan berada dikalangan umat ku yang melakukan perkara demikian itu dan sesungguhnya Bani Israil berpecah kepada 72 golongan ( millah ) dan umatku akan berpecah menjadi 73 golongan (millah), semua mereka dalam neraka melainkan satu golongan (sahaja) yang tidak masuk neraka.

---

(9) Al Tarmizi Juz' 5 Hadis bil. 2640 m.s. 25  
(10) Abid Hadis bil.2641 m.s. 26

قالوا : من هي يا رسول الله

Para sahabat bertanya : " Siapakah mereka (dalam) millah yang satu (Wahai Rasulullah? ) "

قال : ما انا عليه واصحابي ، ( الترميذي )

Kata Baginda : (Mereka itu ialah mereka yang mengikuti perjalanan hidupku dan para sahabatku. " Hadis Gharib " .

Berkenaan dengan istilah ahli sunnah wal Jamaah itu boleh ditingatkan bahwa ianya adalah jelas disebutkan dalam hadis Nabi s.a.w. sebagaimana yang disebutkan dalam Al Millah Wan Nihal (oleh Al Syahrastani) diriwayatkan bahwa Baginda bersabda. (11)

ستفترق أمتي على ثلاث وسبعين فرقة الناجية منها  
واحدة والباقيون هلكي قيل ومن الناجية؟ قال أهل  
السنة والجماعة قيل وماؤ السنة والجماعة؟  
قال ما انا عليه واصحابي

Bermaksud : " Umatku akan berpecah menjadi 73 golongan yang selamat dari kalangan mereka ialah satu golongan, yang lain binasa. Baginda saw ditanya: Siapakah golongan yang selamat itu ? Jawab Baginda s.a.w. : (Golongan) Ahli Sunnah wal Jamaah. Baginda s.a.w. ditanya Apakah (yang dikatakan) Ahli Sunnah Wal Jamaah itu ?

Jawabnya : (Yang dikatakan Ahli Sunnah Wal Jamaah itu ialah mereka yang mengikuti perjalanan hidupku dan perjalanan para sahabatku.

Dalam riwayat Al Tabrani, diriwayatkan sebagai bersabda (12)

والذي نفس محمد بيده ا لتفترقن امتي  
ثلاث وسبعين فرقة ... وا حدة في الجنة  
واثنتان وسبعون في النار. قيل: يا رسول الله؟  
من هم ا قال: " الجماعة".

(11) Al Millah Wa Annihal : 1 : 11

(12) Ibnu Majah Juz' 2 Hadis bil. 3992 m.s. 1322

Maksudnya : "Demi Tuhan yang diri Muhammad berada dalam tangan kekuasaannya, benar-benar umatku akan berpecah menjadi 73 golongan (firqah), satu daripadanya dalam syurga, yang 72 lagi dalam neraka Baginda ditanya Siapakah golongan ( yang masuk syurga itu ) wahai Rasulullah ? Jawabnya Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Dalam ajaran-ajaran yang berbentuk akidah terdapat juga teknik-teknik golongan tidak bertanggung - jawab atau orang-orang perseorangan cuba mencampuradukan dan membelitkan ungkapan-ungkapan kata yang mendatangkan keraguan diatas kebenarannya dengan berani memperkatakan bahwa kata-kata itu adalah sabda Rasulullah (Al Hadis) seperti kata-kata menyebutkan (13).

من عرف ربه فقد عرف نفسه

Maksudnya : "Barangsiapa kenal akan dirinya, maka sesungguhnya ia kenal akan Tuhannya. Dalam ertikata yang lain jika ia tidak kenal akan diri sendiri maka ia tidak akan kenal dengan Tuhannya, ia hendaklah kenal akan dirinya terlebih dahulu barulah ia akan kenal Tuhannya sendiri. Kata-kata tersebut sebenarnya bukan kata-kata Rasulullah tetapi ia adalah kata-kata seorang Ahli Tasawuf yang terkenal iaitu Yahya bin Mu'az Ar Razi (14). Lantaran itu maka menjelmalah ilmu mengenal diri.

---

(13) Buku Cenderamata Kemuncak Maulid Rasul 1982 JALJ m.s. 25  
(14) Ajaran Sesat DBP K.Lumpur 1985 oleh Abdul Fatah Haron Ismail ms. 24

Demikianlah juga yang lebih serius lagi ia menggunakan ayat Al Quran untuk tujuan sesuatu yang salah dengan memberi makna yang salah seperti surah Al Hujarat ayat 99 :-

واعبد ربك حتى يأتيك اليقين

Ertinya (yang betul) : Dan sembahlah Tuhan mu (Allah) sampai datang kepada mu oleh maut (ajal) maknanya selagi masih hidup maka seseorang itu wajib menyembah Allah (sembahyang) akan tetapi golongan tersebut telah memberikan makna yang lain iaitu sembahlah Tuhan mu sehingga sampai yakin ertinya manakala sudah ujud yakin kepada Allah maka tidak perlu atau tidak wajib lagi menyembah akan dia (tidak perlu lagi menunaikan fardhu sembahyang) sedangkan makna kallimah " Al Yakin " didalam ayat Al Quran tersebut ialah " Al Maut "

Maka dengan sebab itu sejak akhir-akhir ini terdapat orang-orang dahulunya rajin bersembahyang lima waktu akan tetapi setelah mempelajari atau memasuki golongan yang mengamalkan ajaran ilmu mengenal diri maka tidak lagi melaksanakan fardhu sembahyang lima waktu. (15)

---

(15) Buku Cenderamata Kemuncak Maulid Rasul 1982 JALJ m.s. 26

Selain daripada itu ada juga terdapat pengaruh ajaran salah melalui cara-cara amalan atau sebagainya. Demikian pula ianya kadangkala merupakan adat resam bagi penduduk sesuatu tempat dan ada juga yang menggunakan slogan kebudayaan sesuatu kaum atau bangsa, maka acara-acara salah itu pula dikatakan tradisional.

Oleh sebab itu jika ditinjau kembali bagaimana liputan sejarah perkembangan agama Islam Nusantara ini telah membawa beberapa perubahan dan pembaharuan dibidang kemasyarakatan dan juga peradaban. Maka dengan keadaan tersebut menunjukkan bahwa perkembangan agama Islam itu adalah merupakan suatu perkembangan yang bersaing hebat dengan perkembangan berbagai fahaman dan kepercayaan yang berbentuk amalan warisan dan kepercayaan mendatang yangmana ia adalah percampuran unsur Hindulisme ( fahaman agama Hindu ) atau Namisa ( fahaman Tuhan menyamai sesuatu ) atau Atisma ( fahaman tidak bertuhan ).

Segala fahaman tersebut telah dapat pula menguasai pemikiran anggota masyarakat setempat.(16)

Oleh kerana pengaruh-pengaruh fahaman itu dibiarkan hingga berleluasa dimana ia telah meninggalkan kesan dalam ertikata dapat menjejaskan pemikiran atau cara berfikir adab cara hidup setengah daripada orang-orang Islam dimana-mana jua mereka berada dengan bertopengkan proses kegiatan masyarakat. Hal keadaan tersebut terus berlarutan malah telah menjadi sebatu pula dalam kehidupan harian dan terus kekal bersambung dari satu generasi kepada satu generasi yang lain.

---

(16) Abid